

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM - BN]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN (NO. 33)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah strategik Kementerian untuk mencorak belia serta mewarnai landskap Negara di masa depan.

SULIT

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah menyediakan pelan strategik dalam menempuh lima tahun menjelang tahun 2020. Di dalam merangka pelan ini, kita telah mendapatkan input dan maklum balas daripada semua pemegang taruh dan pihak-pihak yang berkepentingan.
2. Belia pada hari ini lebih pro-aktif dan mempunyai satu horizon yang luas, dengan di bantu oleh dunia tanpa sempadan dan sistem telekomunikasi yang pantas. Justeru itu, antara perkara utama yang terkandung dalam pelan strategik Kementerian adalah pendekatan Dari Belia Kepada Belia di mana kerjasama erat antara Kementerian dengan golongan belia dalam melaksanakan program dan aktiviti yang mereka inginkan. Kementerian akan berperanan memberi panduan, bantuan kewangan dan logistik manakala inti pati dan program yang dilaksanakan itu akan dicetuskan dan dilaksanakan oleh belia.

Sekian, terima kasih.